

05 APR 1996

Sukom-Penyiaran

SUKOM TANDATANGANI PERJANJIAN PENYIARAN DENGAN RADIO ABC RADIO DAN TVNZ

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Sukom Ninety Eight Berhad baru-baru ini menandatangani perjanjian penyiaran yang tidak diketahui nilainya dengan Television New Zealand (TVNZ) dan ABC Radio untuk Sukan Komanwel ke-16 di Malaysia pada 1998.

TVNZ juga akan memainkan peranan penting dalam acara sukan gemilang itu, yang dikenali sebagai Sukan Kuala Lumpur '98, kerana ia telah dilantik sebagai perunding bagi badan penyiar tuan rumah Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Kontrak antara Sukom dan TVNZ ditandatangani oleh Pengerusi Eksekutif Sukom Jen (B) Tan Sri Hashim Ali dan Ketua Eksekutif Kumpulan TVNZ Chris Anderson di Auckland pada 18 Mac, kata pegawai Sukom.

Ia memberikan TVNZ hak untuk New Zealand dan keseluruhan kepulauan Pasifik itu.

Perlantikan TVNZ sebagai perunding ditandatangani minggu lepas di Auckland dengan disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri New Zealand Jim Bolger.

ABC Radio akan memegang hak untuk benua pulau itu dan Papua New Guinea mengikut perjanjian yang ditandatangani antara Hashim dan ketua ABC Radio Peter Loxton di Sydney pada 29 Mac.

Hak televisyen bagi Australia diperolehi oleh Nine Network pada Oktober lepas.

Ketiga-tiga perjanjian itu dijangka memberi sumbangan berkesan kepada matlamat Sukom untuk mengutip RM75 juta daripada hak-hak penyiaran bagi Sukan itu yang dianggarkan menelan belanja RM300 juta.

Sukan itu dijangka menarik ramai penonton berikutan sukan-sukan berpasukan pilihan seperti hoki, ragbi, kriket dan bola jaring netball, yang beberapa pasukan negara Komanwel dianggap sebagai pencabar dunia. --
BERNAMA

TCL NAK